

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OGOS 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 31

### Ekonomi Malaysia berdaya tahan

# Ekonomi Malaysia berdaya tahan

Antaranya berupaya berdepan pertumbuhan perlahaan ekonomi negara China

KUALA LUMPUR

Kepelbagaiannya ekonomi Malaysia membolehkan negara mendepani risiko daripada pertumbuhan perlahaan ekonomi China kerana kita tidak terlalu bergantung kepada hanya satu rakan dagang atau industri tertentu, kata Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour.

Beliau berkata, walaupun China adalah rakan dagang kedua terbesar Malaysia, negara itu hanya menyumbang 13.6 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia.

"Meskipun pembukaan se-



RASHEED

mula China masih terus menyokong ekonomi global, kita menyedari bahawa kadar pemulihannya perlahan dalam beberapa bulan kebelakangan ini. "Bagaimanapun, Malaysia memiliki kepelbagaiaan ekonomi dari segi produk dan rakan dagang, justeru ia mampu menampung impak daripada pertumbuhan perlahaan ekonomi China," katanya kepada pemerhati selepas mengumumkan angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi Suku Kedua 2023 di sini pada Jumaat.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin.

"Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang kecil, Malaysia terjejas oleh kelembapan permintaan global. Seperti ekonomi serantau lain, eksport Malaysia juga merosot pada suku kedua 2023.

"Ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran lemah barang-an perkilangan di tengah-tengah



Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus disokong oleh daya tahan permintaan domestik dan keadaan pasaran buruh yang kukuh. - BNM

kemerosotan kitaran teknologi global dan harga komoditi yang lebih rendah," kata Abdul Rasheed.

Beliau juga berkata, jualan semikonduktor global, yang mencatatkan penurunan, menunjukkan petanda sedang mencécah tahap terendahnya.

Secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi global adalah perlahaan tahun ini, disebabkan terutamanya oleh peningkatan tekanan kos, kadar

faedah tinggi serta kadar barang-an yang lebih lemah.

"Pertumbuhan global dijangka berada di bawah purata jangka panjang tetapi kami tidak menjangkakan kemelesetan mutlak," kata Abdul Rasheed.

Bagaimanapun, katanya, pertumbuhan ekonomi Malaysia terus disokong oleh daya tahan permintaan domestik dan keadaan pasaran buruh yang kukuh.

Menurutnya, lebihan akaun semasa, rizab yang mencukupi

dan kadar pertukaran akan membantu Malaysia menyerap kejutan luaran.

Beliau berkata, pada separuh kedua 2023, pertumbuhan KDNK negara perlu berada pada purata 3.7 peratus untuk Malaysia mencapai pertumbuhan 4.0 peratus tahun ini.

"Kita melihat pertumbuhan dijangka berterusan dan di dorong oleh pengembangan dalam kapasiti permintaan domestik di tengah-tengah kelemahan permintaan luaran.

"Ini disokong oleh beberapa faktor termasuk keadaan pasaran buruh yang semakin bertambah baik, kemajuan berterusan pelbagai projek pelaburan oleh sektor swasta dan awam serta aktiviti pelancongan yang rancak," katanya.

Mengenai perkembangan lain, Abdul Rasheed berkata terdapat konsensus umum pelaksanaan subsidi bersasar daripada subsidi menyeluruh bagi menangani ketirisan.

"Sebarang pelarasan subsidi juga perlu mengambil kira risiko harga tinggi sebagai sebahagian daripada barang dan perkhidmatan," katanya. - Bernama